

## Buka gerai selepas jam 3 petang

**HADJAH METUO 5/5/2019**  
Seramai 1,953 peniaga bazar Ramadan dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) tidak dibenarkan berniaga sebelum jam 3 petang.

Ketua Seksyen Perhubungan Awam dan Korporat MPK, Norkamawati Kamal berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) itu tegas dalam arahan berkenaan dan memantau semua peniaga.

Katanya, aspek kebersihan dalam penyediaan makanan dan minuman juga diberi

keutamaan yang mana penguat kuasa MPK diarah melakukan pemeriksaan berkala di semua lokasi bazar.

“Oleh itu, mereka yang mendapat permit berniaga diminta patuh arahan dan peniaga makanan perlu dapatkan pemeriksaan kesihatan dan mempunyai kad pengendali makanan.

“Selain itu, juadah makanan seperti lauk dan kuih-muih sentiasa berada di dalam bekas bertutup dan lutsinar. Juga peniaga perlu pastikan persekitaran bersih dan memakai penutup mulut,” katanya.



**ORANG** ramai tidak melepaskan peluang membeli pelbagai jenis kuih untuk berbuka di Bazar Ramadan, Taman Kerang.